

SEJARAH PENUBUHAN DAIRAH JEMPOL DAN ERTINYA KEPADA RAKYAT

JUNAIDAH BINTI ZAKARIA

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN
SESSI 1996/97

SEJARAH PENUBUHAN DAERAH JEMPOL DAN ERTINYA KEPADA RAKYAT

JUNAIDAH BINTI ZAKARIA

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1996/1997



PENGAKUAN

Saya akui karya Latihan Ilmiah ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 April 1997



Junaide Zakaria
38691

LATAR DIRI

Junaidah binti Zakaria dilahirkan pada 9.11.1973 di Kampung Jerjak, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Lebar, Padang Lebar hingga darjah Enam. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Batu Kikir hingga tamat persekolahan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1990. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam atas di sekolah yang sama sehingga tamat di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 1992.

Pada tahun 1993, beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor di Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Beliau ditawarkan mengikuti kursus di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Jabatan Sejarah dan Jabatan Persuratan Melayu. Pada tahun kepujian, beliau telah mengkhusus dalam Jabatan Sejarah. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian di bidang Sejarah pada Julai 1997.



A handwritten signature in black ink, appearing to read "Junaidah bte. Zakaria". The signature is fluid and cursive, with a distinct flourish at the end.

Tarikh : 15 April 1997

JUNAIDAH BTE. ZAKARIA

Diabadikan Untuk.....

Mak, Hajjah Sarah Haji Ibrahim
yang telah banyak berkorban
dan memberi dorongan, arwah abah,
Zakaria Yusuf yang banyak memberi
tunjuk ajar, serta abang-abang dan
kakak terutama Acik, Atih dan Unya
kerana memberi sokongan dan bantuan
kepada diri ini.

PENGHARGAAN

Syukur dan sujud kepada Allah Taala kerana dengan limpah dan kurniaNya, penulis telah berjaya menyelesaikan Latihan Ilmiah ini.

Jutaan terima kasih ingin penulis ucapkan kepada Drs. Abdul Murat bin Mat Jan kerana telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada penulis. Tanpa bimbingan beliau, tidak mungkin penulis dapat menyiapkan penulisan Latihan Ilmiah ini.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada semua pensyarah di jabatan Sejarah kerana telah mencurahkan ilmu sepanjang penulis menuntut di sini. Tidak lupa juga kepada kakitangan Perpustakaan Tun Seri Lanang kerana telah sudi memberi kerjasama kepada penulis.

Terima kasih juga diucapkan bagi kakitangan di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan kerana layanan dan kerjasama yang telah diberikan.

Sekalung ucapan terima kasih juga dirakamkan untuk mak dan keluarga yang tidak henti-henti mendorong dan memberi galakan kepada penulis.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan buat rakan-rakan serumah iaitu Kak Zah, Dah, Mas, Ila dan Amy kerana kehadiran anda semua di sisi ketika penulis dalam kesusahan.

Akhir sekali penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah menolong penulis dalam menyiapkan Latihan Iliah ini.


Sesungguhnya hanya Tuhan sahaja yang mampu membalas jasa kalian.

Sekian, terima kasih.

JUNAIDAH BINTI ZAKARIA
JABATAN SEJARAH
UKM, BANGI

355 KAMPUNG JERJAK,
72200 BATU KIKIR,
NEGERI SEMBILAN.
06 4983396

14 April 1997.



SINOPSIS

Daerah Jempol merupakan sebuah daerah di Negeri Sembilan yang baru sahaja ditubuhkan. Daerah ini dibentuk oleh Kerajaan Negeri Sembilan pada 1 Januari 1980. Latihan Ilmiah ini mengkaji tentang pembentukan Daerah Jempol, perkembangannya dalam sosial, ekonomi dan politik. Pada peringkat awal, kajian ditumpukan pada daerah-daerah di Negeri Sembilan iaitu daerah-daerah yang terbentuk di Negeri Sembilan di abad ke-15 hingga abad ke-17. Antara daerah yang terbentuk di waktu berkenaan ialah Daerah Jempol. Dalam kurun yang ke-19 pula, kedudukan daerah-daerah ini telah diubah oleh British yang mana ada antaranya telah disatukan membentuk unit yang lebih besar. Selanjutnya penumpuan diberi kepada Daerah Kecil Bahau (Jempol) yang mana (daerah ini) kemudiannya telah dinaikkan taraf menjadi daerah penuh. Penaikan taraf ini telah mewujudkan Daerah Jempol semula. Perbincangan dilanjutkan dengan membicarakan perkembangan Daerah Jempol dalam ekonomi dan sosial. Seterusnya ditinjau pula tentang pelebaran ruang politik. Dalam hal ini, dijelaskan tentang pembentukan UMNO Bahagian Jempol yang telah ditubuhkan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1956 dan 1985. Kini Daerah Jempol telah menunjukkan perkembangan yang pesat dalam segala hal dan ini telah menempatkannya ke dalam antara daerah yang termaju di Negeri Sembilan.

KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN	i
LATAR DIRI	ii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	vi
JADUAL KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
PENDAHULUAN	iv
BAB I : DAERAH-DAERAH DI NEGERI SEMBILAN	1
A. DAERAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN	2
B. PENTADBIRAN BRITISH DI NEGERI SEMBILAN	11
BAB II : PEMBENTUKAN DAERAH JEMPOL	21
A. BAHAU SEBAGAI PENDORONG	21
B. BAHAU DI BAWAH DAERAH KUALA PILAH	30
C. OBJEKTIF PEMBENTUKAN DAERAH JEMPOL	34
D. PERASMIAN DAERAH JEMPOL	44

BAB III	: MENDUKUNG PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMI	48
	A. PENTADBIRAN	49
	B. PROJEK EKONOMI	55
	C. PEMBANGUNAN SOSIAL	66
BAB IV	: PELEBARAN RUANG POLITIK	80
	A. SEJARAH PERJUANGAN POLITIK	
	NEGERI SEMBILAN	80
	B. PENUBUHAN UMNO BAHAGIAN JEMPOL	86
	C. PENUBUHAN SEMULA UMNO BAHAGIAN JEMPOL	93
BAB V	: KESIMPULAN	104
BIBLIOGRAFI		
LAMPIRAN		

Halaman

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	-	Keluasan Mukim di Daerah Kecil Bahau	31
Jadual 2.2	-	Pertambahan Penduduk Mengikut Bangsa di Bahau 1970-1990	36
Jadual 3.1	-	Gunatanah Pertanian (hektar) Daerah Jempol	57
Jadual 3.2	-	Keluasan Komoditi Kelapa Sawit Mengikut Jenis Pengurusan	60
Jadual 3.3	-	Kemudahan Bekalan Air dan Elektrik di Daerah Jempol	74

SENARAI PETA

Peta A : Menunjukkan Negeri Sembilan Pada Penghujung Abad Ke-19 Dan Sempadan-sempadan Daerah Yang Berkenaan

Peta B : Menunjukkan Keluasan Daerah Kuala Pilah

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Warta Kerajaan Negeri Sembilan 1979
- Lampiran 2 : Kampung-kampung di Daerah Jempol
- Lampiran 3 : Cawangan-cawangan Dalam UMNO Bahagian Jempol (sebelum 6 April 1975)
- Lampiran 4 : Cawangan UMNO Bahagian Jempol (1985)

SENARAI KEPENDEKAN

DEB	-	Dasar Ekonomi Baru.
FELCRA	-	Lembaga Kemajuan Tanah dan Wilayah.
FELDA	-	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.
KEJORA	-	Kemajuan Johor Tenggara.
KETENGAH	-	Kemajuan Terengganu Tengah.
PKM	-	Parti Komunis Malaya.
RISDA	-	Persatuan Pekebun-pekebun Getah Kecil Malaysia.
UMNO	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.
UPENNNS	-	Unit Perancang Ekonomi Negeri, Negeri Sembilan.

PENDAHULUAN

Daerah Jempol merupakan daerah yang ketujuh di Negeri Sembilan. Daerah ini baru sahaja ditubuhkan tujuh belas tahun yang lalu. Oleh kerana daerah ini baru dibentuk, maka kajian belum lagi dibuat ke atas daerah ini. Atas inisiatif inilah penulis telah memilih tajuk Daerah Jempol sebagai bidang kajian. Perbincangan utama dalam bab ini ialah pembentukan Daerah Jempol dan perkembangannya dalam aspek sosial, ekonomi dan politik.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dibuat ialah bagi melihat sejauhmana penubuhan Daerah Jempol ini telah membawa erti kepada penduduk daerah tersebut. Pengertian penubuhan daerah ini dibuat oleh penulis dengan meninjau perkembangan yang telah dialami oleh daerah ini semenjak penubuhannya. Perkembangan-perkembangan tersebut termasuklah aspek sosial, ekonomi dan politik.

Melalui kajian tentang Daerah Jempol ini, penulis berharap dapat menyediakan asas kepada pengkaji-pengkaji

seterusnya yang ingin mengkaji secara lebih mendalam daerah berkenaan.

Skop Kajian

Latihan Ilmiah ini merupakan kajian ke atas Daerah Jempol meliputi tahun 1980 iaitu tahun pembentukan daerah ini sehingga tahun 1996.

Walau bagaimanapun penulisan ini turut mengimbas kembali latar belakang sejarah pembentukan daerah-daerah di Negeri Sembilan yang dianggarkan berlaku di antara abad ke-14 hingga abad ke-17.

Kajian Lepas

Setakat ini belum ada Latihan Ilmiah yang membincangkan tentang Daerah Jempol sebagai kajian. Keng Meng Chui dalam Latihan Ilmiahnya bertajuk " Pertumbuhan Bandar Bahau Sebagai Bandar Masa Depan" (1987) membincangkan Bahau dari sudut potensinya untuk berkembang sebagai bandar masa depan. Kajian beliau lebih menumpukan aspek topografi, saliran dan gunatanah di Bandar Bahau. Di samping itu beliau turut

mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh Bandar Bahau terutama kesesakan pembangunan, perumahan dan sebagainya.

Selain dari Keng Meng Chui, latihan-latihan ilmiah yang lain banyak membincangkan hal-hal politik dan ekonomi sahaja. Contohnya Anuar Bulin dalam Latihan Ilmiahnya 'Umno Kuala Pilah 1946-1990' hanya menumpukan pokok perbincangannya kepada penubuhan UMNO Kuala Pilah serta perkembangan-perkembangannya.

Metadologi Kajian

Dalam menghasilkan kajian ini, penulis telah menggunakan dua kaedah. Kaedah yang pertama ialah menggunakan bahan-bahan primer yang didapati dari Pejabat Daerah Jempol, UPENNS dan Pejabat UMNO Bahagian Jempol. Bahan-bahan ini termasuklah laporan-laporan, surat-surat rasmi, dokumen dan lain-lain. Melalui bahan primer ini penulis memilih serta meneliti bahan-bahan yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang dikaji oleh penulis.

Kaedah yang kedua ialah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan ini dibuat di perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Awam Negeri

Sembilan dan Perpustakaan Pejabat Daerah Jempol. Melalui kajian kepustakaan ini, penulis banyak memperolehi bahan-bahan sekunder seperti buku-buku, majalah, akhbar-akhbar dan sebagainya

Masalah Kajian

Masalah utama yang dihadapi oleh penulis ialah mencari bahan rujukan untuk bab 2. Bab ini memerlukan penulis menjelaskan objektif pembentukan Daerah Jempol. Akibat kekurangan bahan rujukan bagi bab ini, penulis menghadapi masalah menilai apakah objektif utama Kerajaan Negeri Sembilan membentuk daerah ini.

Pembahagian Bab

Bab yang pertama lebih banyak menjelaskan tentang daerah-daerah tradisional yang terdapat di Negeri Sembilan iaitu Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, Johol, Seri Menanti serta negeri-negeri kecil di sekitar Seri Menanti iaitu Jempol, Inas, Gunung Pasir, Terachi dan Ulu Muar. Seterusnya dalam bab ini, diterangkan peranan-peranan yang dimainkan oleh British terutama semasa mereka menduduki Negeri Sembilan. Penjajah British ini lebih banyak menumpukan usaha mereka

dalam menyatukan negeri-negeri di Negeri Sembilan dengan membentuk daerah-daerah yang tersendiri. Di samping membentuk daerah-daerah, British juga mengasaskan bentuk pentadbiran bercorak birokrasi di negeri ini. Hasil penyusunan semula oleh British ini, enam daerah telah terbentuk iaitu Seremban (Sungai Ujong), Rembau, Jelebu, Port Dickson, Tampin dan Kuala Pilah.

Jempol telah diletakkan di bawah Daerah Kuala Pilah bersama dengan Gunung Pasir, Inas, Terachi, Johol dan Ulu Muar. Di bawah Daerah Kuala Pilah ini, Jempol telah dinaikkan taraf menjadi daerah kecil iaitu Daerah Kecil Bahau. Walaupun mempunyai nama yang berlainan, tetapi perletakan dan kedudukan Bahau adalah sama dengan Jempol di zaman tradisional.

Bab kedua pula banyak membincangkan peranan-peranan yang dimainkan oleh Daerah Kecil Bahau dalam usaha membentuk Daerah Jempol. Sebelum pembentukan daerah ini, kawasan tersebut lebih dikenali dengan nama Daerah Kecil Bahau. Kemudian bahagian seterusnya pula membincangkan Daerah Kecil Bahau di bawah naungan Daerah Kuala Pilah. Seterusnya diterangkan objektif-objektif pembentukan Daerah Jempol dan perasmianya.

Bab ketiga menerangkan perkembangan ekonomi dan sosial yang dialami oleh daerah ini semenjak penubuhannya. Perbincangan dalam bab ini termasuklah bidang pentadbiran, projek-projek ekonomi dan kemajuan sosial Daerah Jempol.

Bab keempat pula menjelaskan pembentukan UMNO Bahagian Jempol. Perbincangan lebih banyak tertumpu pada pembentukan UMNO Bahagian itu sendiri kerana UMNO Bahagian Jempol ditubuhkan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1956 dan 1985. Turut menjadi perhatian ialah usaha-usaha yang dijalankan oleh UMNO Bahagian Jempol dalam menjaga kebajikan penduduk Daerah Jempol terutamanya penduduk Melayu.

Bab yang terakhir sekali iaitu bab kelima, penulis menilai semula keseluruhan perkembangan dalam perbincangan mengenai tajuk ini iaitu dari bab pertama sehingga bab keempat.

BAB 1

DAERAH- DAERAH DI NEGERI SEMBILAN

Pengenalan

Dalam bab ini penulis menjelaskan tentang pembahagian daerah tradisional di Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan, pembentukan daerah-daerah tradisional ini tidak diketahui tarikh kewujudannya. Menurut sumber-sumber sejarah, negeri-negeri yang membentuk Negeri Sembilan ialah Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, Johol, Ulu Muar, Inas, gunung Pasir, Terachi dan Jempol. Menurut sumber sejarah yang ada, pembukaan kawasan-kawasan ini dilakukan oleh orang-orang Minangkabau yang datang ke Semenanjung Tanah Melayu.

Penulis juga menjelaskan tentang pentadbiran British di Negeri Sembilan. Pentadbiran British di Negeri Sembilan ini dimulakan dengan campurtangan mereka menyelesaikan masalah yang berlaku di Negeri Sembilan seperti perlantikan dan perebutan kuasa. Melalui campurtangan ini British telah meletakkan seorang pegawainya sebagai penasihat dalam hal-hal Sungai

Ujong. Melalui bahagian ini juga, penulis turut menjelaskan tentang penyatuan negeri-negeri ini menjadi daerah yang akhirnya membentuk Negeri Sembilan. Setelah negara mencapai kemerdekaan, pembahagian sembilan negeri kepada enam daerah yang dibuat oleh British iaitu Rembau, Jelebu, Sungai Ujong (Seremban), Tampin, Port Dickson dan Kuala Pilah dikekalkan.

Penulis juga turut menyentuh tentang Daerah Kecil Bahau yang ditubuhkan oleh British bagi menggantikan Jempol.

A.Daerah Tradisional Negeri Sembilan

Nama Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri adalah berasaskan kepada gabungan sembilan buah negeri atau kawasan yang mempunyai pembesar-pembesarnya sendiri. Negeri-negeri atau kawasan itu asalnya terdiri daripada Kelang, Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelai, Ulu Pahang, Jelebu, Johol dan Segamat.¹

¹R.O. Winstedt, History of Negeri Sembilan: The history, polity and beliefs of the Nine States, *JMBRAS*, Vol. XII, Pt.3, 1934, hlm. 41.

Sebelum Negeri Sembilan menjadi sebuah negeri seperti sekarang, dipercayai negeri ini terletak di bawah kekuasaan Melaka. Hubungan Negeri Sembilan dengan Melaka bermula semenjak awal kurun ke-15 iaitu selepas Kesultanan Melaka diwujudkan. Kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Melaka seperti Sungai Ujong, Klang, Rembau dan Naning bergantung pada Melaka disebabkan kuasa dan kepentingannya sebagai pusat perdagangan yang terbesar di rantau ini.²

Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, kuasa memerintah ini berpindah dan diatur pula dari negeri Johor. Sultan Johor pada masa itu, Sultan Abdul Jalil II telah mengadakan hubungan yang rapat dengan orang-orang Minangkabau yang menduduki Negeri Sembilan semasa kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Bermula dari sinilah kerajaan Negeri Johor meluaskan pengaruh dan kuasanya ke atas Negeri Sembilan.³

Menurut d'Eredia, negeri-negeri yang telah wujud semasa penguasaan Portugis di Melaka ialah Klang, Sungai Ujong, Naning dan Rembau. Pemerintah-pemerintah negeri

²Zakiah Hanum, *Asal-usul Negeri di Malaysia*, Times Book International, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 37.

Sebahagian daripada negeri-negeri dalam Negeri Sembilan telah dibentuk apabila orang-orang Minangkabau dari Sumatera mula datang ke Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-15 sehingga awal abad ke-17. Migrasi orang-orang Minangkabau ini bermula selepas beberapa ketika kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dalam tahun 1511. Ini jelas terbukti bila Godinho d'Eredia telah menyatakan akan kewujudan orang-orang Minangkabau di kawasan kekuasaan Portugis di Naning dan di sempadan kawasan Portugis iaitu di Rembau pada tahun 1613.⁵

Setengah daripada orang Minangkabau ini telah menetap di Naning dan Rembau yang pada awalnya diduduki penduduk asli kawasan berkenaan. Manakala setengah daripada orang-orang Minangkabau ini meneruskan perjalanan mereka dan meneroka kawasan-kawasan lain di Negeri Sembilan. Peneroka-peneroka inilah yang telah mewujudkan "negeri-negeri" baru seperti Inas, Johol, Gemencheh, Terachi, Gunung Pasir, Ulu Muar⁶ termasuk Jempol.

Menurut Newbold, peneroka Minangkabau ini diketuai oleh Tuk Patih. Beliau telah menetap di Naning iaitu di

⁵R.J. Wilkinson, Notes on Negeri Sembilan, hlm. 290.

⁶Ibid., hlm. 291.

b
tabu dan berkahwin dengan penduduk asli di sana. Langkah Tuk Patih ini diikuti pula oleh orang-orangnya. Lamakelamaan koloni kecil ini telah berkembang ke Sungai Ujong, Rembau, Johol dan tempat-tempat lain yang kebanyakannya dihuni oleh orang-orang asli seperti Jelebu, Sri Menanti, Terachi⁷ Serting dan Jempol. Jempol dikatakan dibuka oleh orang yang sama membuka negeri Jelai iaitu Batin Jelai.⁸

Peneroka Minangkabau yang telah meningkat jumlahnya ini telah membentuk sembilan buah negeri. Setiap negeri berkenaan adalah di bawah pemerintahan penghulu. Negeri-negeri ini adalah tertakluk di bawah Kesultanan Melaka yang kuasa pemerintahannya telah berpindah ke Johor. Di bawah pemerintahan Sultan Johor ini, pemerintahan atau penghulu negeri berkenaan telah dilantik dan dikurniakan gelaran oleh Sultan Johor.⁹

Nama-nama negeri yang membentuk Negeri Sembilan dan pemerintah mereka ialah Segamat di bawah Orang Kaya Muda, Johol (Johan Lela Perkasa), Naning (Maharaja Lela), Sungai Ujong (Kelana Putra), Jelebu (Akhir Zaman), Rembau (Lela

⁷T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 2, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm. 78.

⁸Lewis D, Inas: A Study of Local History, *JMBRAS*, Vol. 33 Pt. 1, 1966, hlm. .

⁹T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 78. /..

Maharaja), Kelang atau Selangor (Tuanku Kelang) dan Jelai (Maharaja Purba). Manakala bagi Jempol dan Serting pula diletakkan di dalam Ulu Pahang di bawah pemerintahan Raja Andra Segara. Pangkat-pangkat yang dikurniakan ini adalah berdasarkan keturunan dan pemerintah-pemerintah ini akan mengadap Sultan Johor sekali dalam setahun.¹⁰

Kekuasaan kerajaan Johor walau bagaimanapun menjadi semakin lemah terutama selepas kedatangan orang-orang Bugis di awal abad ke-18.¹¹ Orang-orang Bugis ini telah berkuasa di Selangor dan telah mengambil Kelang. Segamat yang pada masa itu di bawah pemerintahan Penghulu Jempol telah diambil oleh kerajaan Johor manakala Ulu Pahang dan Jelai terpisah dan menjadi sebahagian dari negeri Pahang. Naning pula telah diambil alih oleh Belanda dan menjadikannya sebagai sebahagian daripada negeri Melaka. Walau bagaimanapun Jempol dan Serting telah keluar darū Ulu Pahang dan telah menjadi sebahagian dari Johol. Ini menjadikan negeri-negeri yang membentuk Negeri Sembilan ketika itu ialah Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, dan Johol. Naning yang telah diambil oleh Belanda telah diganti oleh Seri Menanti.

¹⁰Ibid., hlm. 78-79.

¹¹Sherifa Khan, *The Making of Modern Negeri Sembilan 1874-1898*, United Selangor Press, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 2.

Pada tahun 1773 seorang raja dari Pagar Ruyung telah dilantik menjadi¹² di Negeri Sembilan. Raja berkenaan, Raja Melewar, telah dilantik sebagai Yamtuan Besar di Penajis, Rembau oleh penghulu-penghulu dari Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Sri Menanti.¹³ Setelah Raja Melewar ditabalkan menjadi raja di Penajis, kekuasaan kerajaan Johor ke atas Negeri Sembilan telah diputuskan kerana Negeri Sembilan kerana Negeri-Sembilan telah mempunyai raja sendiri.

Negeri yang Penghulu atau Undangnya yang merajakan Raja Melewar ini mempunyai nama tertentu. Rembau lebih dikenali sebagai Luak Tanah Kerajaan manakala Seri Menanti pula digelar Luak Tanah Mengandung. Gelaran bagi Sungai Ujong adalah Luak Balai Melintang dan Johol Luak Balai Bertingkat.

Pada waktu atau zaman Raja Melewar inilah dipercayai wujudnya Negeri Sembilan. Sebelum ini Negeri Sembilan telah wujud sebagai sebuah negeri tetapi hanya terdiri daripada beberapa luak atau wilayah dalam negeri Johor.¹³ Luak-luak ini seperti yang telah disebutkan terdiri dari Rembau (Luak Tanah Kerajaan), Sungai Ujong (Luak Balai Melintang), Johol (Luak Balai Bertingkat), Seri Menanti (Luak Tanah Mengandung) dan Jelebu.

¹²T.J. Newbold, Political and Statistical Account of, hlm. 79.

¹³Abdul Samad Idris, Asal nama Negeri Sembilan, Warisan, bil. 1, 1974, hlm. 3.

Luak Tanah Mengandung¹⁴ adalah luak yang dikuasai oleh Yamtuan Besar. Di sekitar luak ini terdapat negeri-negeri kecil yang telah mempunyai pemerintahan masing-masing di bawah seorang Penghulu. Negeri-negeri tersebut ialah Terachi, Inas, Gunung Pasir dan Ulu Muar. Di samping Seri Menanti, Gunung Pasir, Terachi, Ulu Muar dan Inas merupakan bekas jajahan Johol tetapi telah menubuhkan pemerintahan sendiri di bawah Penghulu dan Empat Suku. Apabila Yamtuan Besar menjadi raja dan duduk di Sri Menanti, Gunung Pasir, Terachi, Ulu Muar dan Inas telah menerima kekuasaan Yamtuan¹⁵ dan menjadi sebahagian dari Luak Tanah Mengandung.

Begitu juga dengan Jempol. Jempol sebelum ini merupakan sebahagian dari Ulu Pahang. Walau bagaimanapun apabila Ulu Pahang menjadi sebahagian dari negeri Pahang, Jempol bersama dengan Serting telah membebaskan diri dan menerima kekuasaan Johol¹⁶ bagi tujuan perlindungan dan sebagainya kerana Johol pada masa itu menguasai Gunung Pasir dan negeri-negeri kecil lain. Johol kemudian telah memberi kebebasan kepada Jempol untuk memerintah sendiri

¹⁴Mengandung di sini memberi makna 'tanah ibunda' (mother land). Dalam konteks moden, ia bererti tempat di mana Yamtuan bersemayam di bawah lindungan Penghulu yang Empat.

¹⁵Lewis D, Inas: A Study of Local History, hlm. 66.

¹⁶R.O. Winstedt, History of Negeri Sembilan, hlm. 66.

dengan berpenghulu dari keluarga dari Johol sendiri.¹⁷ Keluasan kawasan yang dinamakan Jempol ini meliputi ulu Sungai Jempol hingga kuala Sungai Jempol. Kawasan Ulu Jempol termasuklah Padang Lebar, Terentang dan Batu Kikir manakala di bahagian kuala Sungai Jempol pula ialah kawasan Serting Ulu, Serting Hilir, Kuala Jempol, Bahau dan Air Hitam.

Apabila seorang Yamtuan dirajakan di Sri Menanti, Yamtuan tersebut telah mengisytiharkan kekuasaan beliau di Sri Menanti dan kawasan sekitarnya termasuklah Jempol. Walaupun demikian, negeri-negeri di luak ini hanya menerima pengaruhnya sahaja tetapi Penghulu masih lagi berkuasa di kawasan masing-masing. Ini bermakna Yamtuan hanya sekadar diterima pengaruhnya sahaja dan tidak dianggap sebagai pemerintah mutlak.

Dalam Negeri Sembilan, Yang Dipertuan Besar memegang jawatan yang paling tertinggi. Namun demikian, baginda tidak mempunyai kuasa untuk mengutip cukai di kawasannya. Malah Yamtuan dibiayai sara hidupnya oleh rakyat iaitu setiap isi rumah menyumbangkan segantang beras dan dua biji kelapa.¹⁸ Baginda juga tidak mempunyai negerinya sendiri.

¹⁷Ibid., hlm. 61.

¹⁸T.J. Newbold, hlm. 81.

Penghulu mempunyai tugas dan kedudukan yang lebih tinggi daripada Yamtuan. Penghulu bertanggungjawab menyediakan sejumlah tenaga pekerja, senjata dan lain-lain jika terjadi perperangan. Dalam hal perkahwinan, kematian dan perlantikan raja pula, penghulu terpaksa menyediakan tiga ekor kerbau serta menyediakan wang sebagai sedekah kepada pemerintah mereka.

Penghulu-penghulu ini juga merupakan orang yang bertanggungjawab bagi mengutip cukai di kawasannya. Sungai Ujong contohnya merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan bijih timah. Malah Sungai Ujong merupakan pengeluar bijih timah utama sejak abad ke-15. Dalam hal ini bertanggungjawab memungut cukai sebanyak 1/10 daripada hasil bijih timah yang didapati dari Sungai Ujong. Selain daripada itu cukai sebanyak 1/10 ini juga dikenakan ke atas hasil lain seperti pertanian dan sebagainya. Penghulu juga bertanggungjawab melantik seseorang Yamtuan.

Corak pembahagian di Negeri Sembilan mengikut luak ini diteruskan sehingga kedatangan penjajah British dalam abad ke-19.

B. Pentadbiran British di Negeri Sembilan

Tahun 1874 merupakan tarikh yang penting dalam sejarah Tanah Melayu kerana tahun ini menandakan bermulanya campurtangan British dalam hal ehwal negeri-negeri di Tanah Melayu melalui perjanjian Pangkor 1874.

British mula menunjukkan minat untuk campurtangan dengan lebih serius ke dalam hal ehwal negeri Melayu berikutan dengan perubahan pucuk pimpinan yang berlaku di London. Disraeli dari Parti Konservatif telah mengalahkan Gladstone dari parti Liberal. Berbanding Gladstone, Disraeli mempunyai dasar yang lebih agresif serta menyokong kuat dasar campurtangan terutama terutama di negeri-negeri yang mempunyai kepentingan dan berguna kepada British.

Selain daripada itu, campurtangan British ini juga dikaitkan dengan faktor ekonomi. Pada pertengahan abad ke-19, revolusi industri telah berlaku di Eropah. Akibatnya negara-negara Eropah termasuk British telah berlumba-lumba mencari tanah jajahan bagi mendapatkan bekalan bahan mentah yang sangat-sangat diperlukan bagi

memajukan aktiviti perindustrian.¹⁹ Pada waktu itu bijih timah yang merupakan salah satu bahan galian terpenting di bidang pembuatan banyak terdapat di negeri-negeri Melayu terutamanya di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan, kawasan utama yang mengeluarkan bijih timah ini ialah di Sungai Ujong dan Jelebu.

British telah meletakkan pengaruhnya yang pertama di Negeri Sembilan apabila mereka telah berjaya menyelesaikan perbalahan antara Datuk Kelana dan Datuk Bandar Sungai Ujong mengenai hak memungut cukai di Sungai Linggi. Berikutan dengan kejayaan British menyelesaikan masalah ini, mereka telah berjaya mendesak Datuk Kelana menerima seorang Residen British yang pertama di Sungai Ujong dan Negeri Sembilan. Seorang Residen British bernama Isemogar telah dihantar ke Sungai Ujong serta dibantu oleh Kapten Tatham sebagai penolong residen.²⁰

Perlantikan residen British di Sungai Ujong ini menjadi titik tolak kepada campurtangan British yang seterusnya di Negeri Sembilan. Penguasaan British di Negeri Sembilan telah mengubah sistem dan pentadbiran tradisional²¹. Yang paling utama semasa penguasaan British

¹⁹G.P. Michael, *A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History Among the Malays of Rembau*, University of California Press, Los Angeles, 1988, hlm. 97.

²⁰Wan Shamsuddin, *Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 147.

di negeri ini ialah usaha-usaha mereka untuk menyatukan negeri-negeri kecil di Negeri Sembilan ^{mengjadi} membentuk unit yang lebih besar yang dinamakan daerah.

Setelah British berjaya menguasai Sungai Ujong, maka daerah lain seperti Sri Menanti, Rembau, Jelebu dan lain-lain pula ingin dikuasai oleh British. Dalam tahun 1876, British telah berjaya mendesak Yamtuan Antah menandatangani perjanjian dengan British. Gabenor William Jervois yang menggantikan Sir Andrew Clarke mengiktiraf Yamtuan Antah sebagai pemerintah di Seri Menanti dan daerah-daerah di sekitarnya seperti , Ulu Muar, Gunung Pasir, Inas,^{dan} Terachi dan Jempol²¹ dengan syarat mereka menerima kekuasaan dan pengaruh British. Dalam perjanjian ini juga British telah meletakkan Johol (Luak Balai Bertingkat) ke dalam kawasan yang dikuasai oleh Seri Menanti. Ini menjadikan kawasan Seri Menanti meliputi Johol dan negeri-negeri kecil di sekitar Seri Menanti. Seorang pegawai British telah dilantik bagi mengawasi perjalanan pemerintahan di Seri Menanti.

Perjanjian ini dengan secara langsung meletakkan Jempol dan kawasan-kawasan lain menjadi sebahagian dari daerah Seri Menanti dan tidak lagi berdiri sebagai sebuah

²¹Seri Menanti dan negeri-negeri di sekitarnya juga dikenali sebagai Konfederasi Seri Menanti.

negeri seperti dahulu. Kemudian pada 4 Jun 1887, satu lagi perjanjian telah ditandatangani antara Tuanku Antah dengan British. British telah berjaya memujuk Yamtuan Antah menandatangani beberapa dokumen bagi memberi kuasa mengekalkan keamanan dan lain-lain hal kepada British.²²

Melalui perjanjian ini, British dapat meluaskan lagi pengaruhnya di Seri Menanti. Tujuan British membuat perjanjian ini ialah;

*"... to promote order and give security of life and property, to uphold British influence as the leading Malay power, and as a consequence, to develop the resources of the country and to foster trade and commerce"*²³

Dalam tahun 1888, kedudukan negeri-negeri di Negeri Sembilan telah berubah. Jelebu telah menjadi sebahagian dari Sungai Ujong di bawah pemerintahan seorang residen. Rembau dan Seri Menanti pula diperintah oleh seorang pegawai British yang bertugas sebagai pemungut cukai dan majistret yang mempunyai kuasa sama seperti seorang residen. Kedua-dua pegawai British ini diselia oleh Residen Kaunselor yang beribu pejabat di Melaka.²⁴

Pada 13 Julai 1889, Tampin dan Rembau telah diletakkan oleh British di bawah pengaruhnya. Perkara ini

²²Thio E, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*, Vol. 1, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 56.

²³Ibid.

